



31 Januari 2024  
31 January 2024  
P.U. (A) 33

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI KEDAH) 2024

### *WATER SERVICES INDUSTRY (RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES) (STATE OF KEDAH) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

### PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI KEDAH) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Kedah) 2024.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

#### **Kadar perkhidmatan bekalan air**

2. Kadar perkhidmatan bekalan air bagi negeri Kedah hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

#### **Jenis penggunaan**

3. Jenis penggunaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Kedua.

#### **Pembatalan**

4. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Kedah) 2010 [P.U. (A) 332/2010] dibatalkan.

#### **Kecualian**

5. Apa-apa tindakan, notis, arahan atau keputusan yang dilakukan, dibuat atau diberikan berhubung dengan kadar perkhidmatan bekalan air yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Kedah) 2010 sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus sah dan berkuat kuasa sehingga dipinda atau dibatalkan atau sehingga tarikh tamat tempoh tindakan, notis, arahan atau keputusan itu.

## JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

## KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

(1) Bil.	(2) Jenis penggunaan	(3) Jumlah penggunaan	(4) Kadar setiap meter padu (RM)	(5) Kadar minimum (setiap bulan) (RM)
1.	Domestik (meter individu)	(a) 0 meter padu dan sehingga 20 meter padu	0.75	7.50
		(b) melebihi 20 meter padu dan sehingga 35 meter padu	1.30	
		(c) melebihi 35 meter padu	1.75	
2.	Domestik (meter pukal)	kadar rata	1.60	16.00
3.	Bukan domestik	(a) 0 meter padu dan sehingga 35 meter padu	1.75	17.50
		(b) melebihi 35 meter padu	2.15	
4.	Rumah ibadat dan institusi kebajikan	kadar rata	1.00	10.00
5.	Perkapalan	kadar rata	7.10	71.00

## JADUAL KEDUA

[Peraturan 3]

## JENIS PENGGUNAAN

(1) Bil.	(2) Jenis penggunaan	(3) Perihalan
1.	Domestik (meter individu)	Bekalan air melalui meter individu atau meter petak ke premis atau unit kediaman
2.	Domestik (meter pukal)	Bekalan air melalui meter pukal ke bangunan kediaman bertingkat tinggi, komuniti berpagar, kuarters estet dan kuarters Kerajaan
3.	Bukan domestik	Premis komersial, industri, perdagangan, perniagaan, Kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, perusahaan pemprosesan air (termasuk kios air), perladangan dan perkebunan
4.	Rumah ibadat dan institusi kebajikan	Rumah ibadat yang pembinaannya diluluskan oleh Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau pengoperasiannya diluluskan oleh badan keagamaan berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi memberikan kelulusan rumah ibadat
		Institusi kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau diberikan pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebuah institusi kebajikan
5.	Perkapalan	Bekalan air untuk kegunaan di atas kapal yang berlabuh di pelabuhan

Dibuat 30 Januari 2024

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1KLT.11; PN(PU2)660/JLD.18]

**DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
*Menteri Peralihan Tenaga dan*  
*Daya Guna Awam*